

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
RAYUAN SIVIL NO. CB-12B-10-08/2022**

ANTARA

AKMAL HAZIQ BIN SUHAIMI

**(Seorang yang tidak berkeupayaan mendakwa melalui
Bapanya atau wakil litigasinya yang sah,
SUHAIMI BIN SULAIMAN)**

... PERAYU

DAN

1. SHAHRUL IDZWAN BIN ZULKIFLI

2. KETUA POLIS NEGARA

**... RESPONDEN-
RESPONDEN**

**[DALAM MAHKAMAH SESYEN DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
GUAMAN NO. CB-A51KJ-4-11/2020**

ANTARA

AKMAL HAZIQ BIN SUHAIMI

**(Seorang yang tidak berkeupayaan mendakwa melalui
Bapanya atau wakil litigasinya yang sah,
SUHAIMI BIN SULAIMAN)**

... PLAINTIF

DAN

1. SHAHRUL IDZWAN BIN ZULKIFLI

2. KETUA POLIS NEGARA

... DEFENDAN-DEFENDAN]



ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dalam tuntutan gantirugi kemalangan jalan raya yang dibuat pada 19.07.2022. Rayuan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan kuantum. Tiada rayuan berkenaan dengan liabiliti bagi kes ini. Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa liabiliti adalah 100 % kepada Defendan-Defendan. Mahkamah ini akan merujuk pihak Perayu dan Responden-Responden sebagaimana pihak-pihak semasa perbicaraan di Mahkamah Sesyen.

[2] Oleh itu Mahkamah ini akan hanya akan menumpukan kepada isu kuantum di dalam kes ini. Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan tuntutan sebanyak RM20,009.90 bagi gantirugi khas. Beliau juga telah membenarkan tuntutan gantirugi am sebanyak RM391,500.00. Hakim Mahkamah Sesyen juga membenarkan kos bagi tindakan sebanyak RM16,822.00.

[3] Hakim Mahkamah Sesyen telah menolak tuntutan gantirugi khas bagi kos "*Regular automated perimetry testing*" dan "*OCT nerve fibre layer scanning*". Begitu juga untuk "*artificial tears*" sebanyak RM1,200.00, kos ubatan-ubatan untuk sistem saraf sebanyak RM230,400.00, kos ubat-ubatan bagi "*ADHD*" dan "*epilepsy*" sebanyak RM299,520.00, peralatan dan rawatan seperti disyorkan oleh Pakar Rehabilitasi sebanyak RM499,010.00.



[4] Penelitian alasan penghakiman di halaman 12 hingga 41 di Rekod Rayuan Tambahan menunjukkan bahawa gantirugi am yang ditolak ialah perbelanjaan masa hadapan iaitu kos rawatan masa hadapan, tuntutan perbelanjaan ubat-ubat masa hadapan, kos kaunseling dan kaunseling psikologi dan kos peralatan masa hadapan.

[5] Penelitian kepada alasan penghakiman juga mendapati bahawa alasan gantirugi am dan gantirugi khas tersebut ditolak adalah disebabkan beberapa perkara utama iaitu:

- (a) Plaintiff dikatakan tidak dapat menunjukkan keterangan berkenaan gantirugi-gantirugi tersebut;
- (b) Segala rawatan dan kemudahan kesihatan yang dituntut oleh pihak Plaintiff boleh disediakan oleh Hospital Kerajaan;
- (c) Jumlah tuntutan yang dipohon adalah terlampau tinggi; dan
- (d) Pihak Plaintiff telah gagal mengemukakan autoriti-autoriti nas undang-undang bagi menyokong tuntutan gantirugi am dan gantirugi khas tersebut.

Analisa

[6] Adalah tidak dapat dinafikan bahawa bagi sesuatu kes yang melibatkan tuntutan ekoran daripada kemalangan jalan raya yang dikategorikan sebagai tuntutan di bawah undang-undang tort gantirugi



yang boleh diberikan oleh mahkamah ialah gantirugi khas dan gantirugi am. Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun [1981] 1 MLJ 292** memberikan panduan berkenaan gantirugi yang melibatkan kemalangan jalan raya seperti berikut:

“It must be remembered that the purpose of damages is to try, so far as humanly possible, to put the victim back to the position he would have been in but for the accident. The damages must be fair, adequate and not excessive. A reasoned judgment must therefore be given by the judge, following legal principles and precedents. Other awards in other cases should normally be prayed in aid, but consideration must be given where the circumstances differ.”

[7] Mahkamah mesti meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Plaintiff bagi menyokong tuntutan gantirugi-gantirugi tersebut. Secara umumnya gantirugi khas memerlukan pihak Plaintiff mengemukakan dokumen-dokumen bagi menyokong amaun gantirugi khas yang dituntut oleh pihak Plaintiff. Sementara gantirugi am adalah berdasarkan kepada penilaian keterangan dan pentafsiran mahkamah berkenaan dengan jumlah gantirugi yang sewajarnya diberikan kepada pihak Plaintiff.

[8] Mahkamah yang mendengar rayuan tidak sewajarnya mengganggu dapatan hakim bicara berkaitan dengan kuantum gantirugi. Hal keadaan di mana mahkamah boleh campur tangan



tentang amaun gantirugi telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284** seperti berikut:

“Or another way of putting it – that it is a matter of assessment but not of calculation. So far as this court is concerned we should, to paraphrase Greer L.J. in Flint Levell [1935] 1 KB 354 360 be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate court will follow in the light of the special facts of each particular case.”

[9] Mahkamah Persekutuan ketika meminda dapatan amaun gantirugi telah menyatakan seperti berikut:

“If I had tried this case in the first instance, having regard to previous awards in more or less similar cases probably I would not have awarded as much as \$19,000 but I am not convinced that the trial judge acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely



high as to make it an entirely erroneous estimate of the damage to which the respondent is entitled.”

[10] Ia juga turut ditegaskan oleh Mahkamah Agong dalam kes **Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22** seperti berikut:

“The principle that could guide this court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear. What is also clear is that much depends on the circumstances of each case, in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal court to consider whether in the light of the circumstances of that case there is an erroneous estimate of the amount of the damage in that, either there was an omission on the part of the Judge to consider some relevant materials, or he had admitted for purposes of assessment some irrelevant considerations. If the court is satisfied or convinced that the Judge has acted upon wrong principles of law then it is justified in reversing; indeed, it is its duty to reverse the finding of the trial Judge.”

Kerugian Pada Masa Hadapan

[11] Dalam kes ini adalah jelas menunjukkan bahawa isu tuntutan ganti rugi yang tidak dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah berkaitan dengan kerugian pada masa hadapan. Ia adalah disebabkan segala kerugian tersebut tidak dapat dipaparkan sekarang. Ianya



berkemungkinan akan timbul ekoran daripada rawatan yang perlu dilalui oleh Plaintiff secara berterusan dan mengambil tempoh masa yang panjang. Gantirugi berkenaan pada masa hadapan ini boleh diberikan namun adalah sukar untuk mendapatkan amaun yang tepat. Ini adalah disebabkan ia berkaitan dengan kerugian yang akan dihadapi pada masa hadapan. Ini dapat dilihat dalam kes **Moeliker v A Reyrolle & Co. Ltd [1977] 1 WLR 132** seperti berikut:

“The court must start somewhere, and I think the starting point should be the amount which a plaintiff is earning at the time of the trial and an estimate of the length of the rest of his working life. This stage of the assessment will not have been reached unless the court has already decided that there is a “substantial” or “real” risk that a plaintiff will lose his present job at some time before the end of his working life, but it will now be necessary to go on and consider — (a) how great this risk is; and (b) when it may materialise — remembering that he may lose a job and be thrown on the labour market more than once (for example, if he takes a job and then finds he cannot manage it because of his disabilities). The next stage is to consider how far he would be handicapped by his disability if he was thrown on the labour market — that is, what would be his chances of getting a job, and an equally well paid job. Again, all sorts of variable factors will, or may, be relevant in particular cases — for example, a plaintiff's age; his skills; the nature of his disability; whether he is only capable of one type of work, or whether he is, or could become, capable of



others; whether he is tied to working in one particular area; the general employment situation in his trade or his area, or both. The court will have to make the usual discounts for the immediate receipt of a lump sum and for the general chances of life.

I do not think one can say more by way of principle than this. The consideration of this head of damages should be made in two stages. 1. Is there a “substantial” or “real” risk that a plaintiff will lose his present job at some time before the estimated end of his working life? 2. If there is (but not otherwise), the court must assess and quantify the present value of the risk of the financial damage which the plaintiff will suffer if that risk materialise, having regard to the degree of the risk, the time when it may materialise, and the factors, both favourable and unfavourable, which in a particular case will, or may, affect the plaintiff's chances of getting a job at all, or an equally well paid job.

It is impossible to suggest any formula for solving the extremely difficult problems involved in stage 2 of the assessment. A judge must look at all the factors which are relevant in a particular case and do the best he can.”

(Digaris bawah oleh mahkamah ini)



[12] Penelitian kepada alasan penghakiman menunjukkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak membenarkan tuntutan ini kerana tiada keterangan yang dikemukakan berkenaannya. Ia juga berasaskan kepada tiada keterangan yang menyatakan Plaintiff tidak akan menamatkan persekolahannya dan tidak akan mendapat pekerjaan untuk menampung kehidupannya pada masa hadapan.

[13] Mahkamah berpendapat di dalam menentukan gantirugi yang melibatkan masa hadapan mahkamah meneliti kepada keterangan-keterangan terutamanya laporan pakar perubatan berkenaan dengan rawatan yang perlu dilalui oleh Plaintiff serta anggaran perbelanjaan rawatan tersebut yang dizahirkan melalui laporan perubatan. Mahkamah ini berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen yang meneliti dan mendengar kes ini perlu meneliti laporan-laporan tersebut secara terperinci bagi membolehkan mahkamah memahami sama ada wajar diberikan tuntutan gantirugi yang dituntut oleh Plaintiff. Pada masa yang sama ia juga membantu Mahkamah untuk menentukan anggaran yang munasabah untuk gantirugi am dan gantirugi khas tersebut.

[14] Pada hemat Mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen tidak boleh mengenyepikan laporan-laporan perubatan tersebut dan membuat dapatan berkenaan gantirugi tersebut sama ada membenarkan atau menolaknya berdasarkan kepada anggapan yang tidak disokong dengan keterangan oleh laporan pakar yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Di dalam kes ini Mahkamah ini mendapati Hakim Mahkamah Sesyen tidak mempertimbangkan dengan sewajarnya laporan-laporan perubatan tersebut.



[15] Pada masa yang sama mahkamah juga perlu meneliti keterangan-keterangan daripada pihak Defendan berkaitan dengan kewajaran membenarkan tuntutan gantirugi Plaintiff dan memutuskan berapakah jumlah amaun gantirugi yang sewajarnya.

[16] Dalam kes ini mahkamah mendapati bahawa di dalam alasan penghakiman berkenaan dengan penolakan perbelanjaan masa hadapan di bawah kepala gantirugi am telah dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di halaman 26 seperti berikut:

“Mahkamah berpendapat, tiada keterangan yang menyatakan Plaintiff tidak akan menamatkan persekolahannya dan tidak akan mendapat pekerjaan untuk menampung kehidupannya.”

[17] Ia adalah tidak konsisten dengan laporan daripada Pakar Jabatan Pembedahan Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Professor Vicknesvaran bertarikh 14.08.2019 di muka surat 141 hingga 147 Rekod Rayuan. Di halaman 147 Rekod Rayuan, laporan pakar tersebut menyatakan seperti berikut:

“He has been transferred from a normal school to a school for disabled students. It appears that he is having problems even at his new school.”



It is my opinion that this patient's present clinical and functional status is consistent with the severe head injury that he sustained.

As this accident occurred over 15 months ago his deficits can be considered permanent and further recovery unlikely.

His future education and employment will be impacted by the outcome of the injuries he sustained.”

[18] Begitu juga di dalam laporan oleh Doktor Khairul Mokhsein Abdullah daripada Hospital Pakar KPJ Pahang di halaman 148 hingga 152 Rekod Rayuan. Di halaman 152 dinyatakan seperti berikut:

“The residual neurological deficits post trauma are adversely affecting his personal, education, future work potential and social life. In fact, his academic performance has already suffered as a result of the accident.”

[19] Begitu juga dalam laporan daripada Pakar Ophthalmologist di halaman 153 hingga 156 Rekod Rayuan. Hal yang sama juga terdapat di dalam laporan Doktor Raja Juanita Raja Lope, Pakar Kanak-kanak.

[20] Kesemua laporan-laporan ini mencadangkan bahawa terdapat kesukaran kepada Plaintiff dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh beliau sepanjang tempoh kehidupan. Mahkamah berpendapat bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak meneliti secara mendalam



laporan-laporan tersebut sehingga menyebabkan beliau berpandangan bahawa tuntutan Plaintiff berkenaan gantirugi kerugian pada masa hadapan ditolak. Ia adalah sesuatu kekhilafan yang perlu melibatkan campur tangan Mahkamah ini.

[21] Adalah tidak dapat dinafikan hakikat bahawa kerugian yang dialami tersebut berlaku pada masa hadapan, maka Plaintiff tidak dapat menunjukkan secara jelas tentang apakah kerugian yang bakal dialami oleh Plaintiff. Kegagalan untuk menunjukkan secara jelas kadar kerugian yang dialami itu adalah boleh difahami oleh mahkamah dan tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk menolak gantirugi diberikan kepada Plaintiff atas alasan gantirugi tidak dapat dibuktikan pada masa ini. Ia sudah barang pasti tidak dapat dibuktikan sekarang disebabkan ia akan berlaku pada masa hadapan. Oleh yang demikian mahkamah hanya boleh menentukan satu jumlah yang munasabah bagi mempertimbangkan kadar yang sewajarnya. Dalam kes ini mahkamah berpendapat selain daripada laporan-laporan perubatan, kadar jangka hayat Plaintiff juga diambil kira. Di samping itu mahkamah juga tidak dapat menolak fakta bahawa seseorang rakyat Malaysia akan bekerja sehingga umur minimum 60 tahun seperti yang dinyatakan di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2022 seperti berikut:

“4 Umur persaraan minimum

(1) Walau apa-apa pun undang-undang bertulis lain, umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila pekerja itu mencapai umur enam puluh tahun.



(2) ...

(3) ...”

[22] Mahkamah juga mengambil maklum tentang jangka hayat lelaki di Malaysia yang menyatakan purata umur 71.3 tahun hingga 72.5 tahun seperti yang dinyatakan dalam Jadual Hayat Ringkas Malaysia 2020 – 2022 Jabatan Perangkaan Malaysia namun Mahkamah berpendapat umur di mana seseorang itu aktif di dalam kegiatan ekonomi perlu dijadikan sandaran dalam menentukan tempoh masa untuk menjadi asas kepada pengiraan gantirugi kerugian pada masa hadapan. Oleh itu dalam kes ini mahkamah berpendapat kiraannya adalah berdasarkan kepada jangka hayat 60 tahun adalah sesuatu yang munasabah. Mahkamah mengambilkira pendapatan RM750.00 sebagai asas perkiraan yang didarab dengan jangka hayat seperti berikut:

$$48 \text{ tahun} \times 12 = 576 \text{ bulan} \times \text{RM}750 = \text{RM}432,000.00.$$

Kos Rawatan Masa Hadapan Dan Perkhidmatan Kesihatan Di Fasiliti Kesihatan Kerajaan

[23] Sementara itu bagi kos rawatan masa hadapan di bawah tajuk gantirugi khas Hakim Mahkamah Sesyen telah menyatakan seperti berikut:

“[31] Mahkamah berpendapat kos rawatan masa hadapan yang dipohon adalah terlalu tinggi tanpa membuat



perbandingan dengan perkhidmatan yang mungkin disediakan oleh klinik kesihatan awam atau hospital kerajaan. Meskipun Plaintiff berhak membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan terbaik berdasarkan laporan pakar, namun pilihan ini tidak sewajarnya mengenenepikan alternatif lain yang lebih murah dan tidak membebankan. Plaintiff juga tidak mengemukakan kes-kes lain yang pernah memberikan award dalam tuntutan ini bagi membolehkan Mahkamah menimbangkan amaun yang mungkin bersesuaian. Oleh itu tuntutan bagi kos rawatan masa hadapan ditolak.”

[24] Mahkamah juga mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes **Inas Faiqah Mohd Helmi v Kerajaan Malaysia & Ors [2015] 3 CLJ 153** di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa alasan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta diperlukan disebabkan terdapatnya waktu menunggu yang lebih di Hospital Kerajaan bukannya bukti tiadanya akses kepada rawatan sedemikian di Hospital Kerajaan. Ia dinyatakan seperti berikut:

“The reason given by the father for not pursuing the treatment at the public hospital because of long wait according to the learned judge was not sufficient proof of non access. This was because the father had only made one attempt to obtain service at Sungai Buloh Hospital which would not justify the choice for private hospital treatment. The learned judge further took into account that the appellant's father, a retired teacher, would be able to obtain the facilities provided by the



public hospital and would not justify him choosing private hospital for treatment.”

[25] Di Mahkamah Persekutuan dalam kes **Inas Faiqah Mohd Helmi v Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 CLJ 885** telah digariskan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian semasa dalam menentukan bahawa tuntutan berkenaan rawatan di hospital swasta diberikan sekiranya memenuhi ujian yang dinyatakan dalam kes tersebut seperti berikut:

“[36] In this respect, we are in agreement with the contention of the appellant that the case of Chai Yee Chong is not relevant to the present case. We respectfully say that the Court of Appeal had erred in coming to its conclusion that the award made by the learned trial judge was in line with the current practice on the strength of the decision in Chai Yee Chong, which is a case concerning a claim for past private medical treatment. In determining a claim for future medical treatment, be it at a private, or at a public hospital, the question of reasonableness in making such a claim should always be the paramount consideration. The plaintiff not only needs to justify, for instance, why he chooses treatment at a private hospital over a public one, but he must also shows that the amount claimed for such treatment is reasonable. Of course this can be satisfied by the production of compelling evidence for that purpose. It is to be noted that in claiming for the cost of future damage in Gleneagles, evidence was led as



to the cost of rehabilitation care of the first respondent and the costing was obtained from the private hospitals/centres.”

[26] Mahkamah berpendapat bahawa fakta bahawa pihak Defendan Kedua boleh menawarkan perkhidmatan Hospital Kerajaan yang dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia tidak sewajarnya menghalang Plaintiff untuk mendapatkan perkhidmatan daripada fasiliti kesihatan Kerajaan yang sewajarnya. Pada masa yang sama mahkamah juga berpendapat tiada jaminan khusus yang dinyatakan oleh Defendan Kedua melalui saksi-saksi atau laporan-laporan perubatan Hospital Kerajaan berkenaan rawatan-rawatan yang boleh disediakan bersesuaian dengan pihak Plaintiff pada masa akan datang. Mahkamah mendapati Laporan Pakar Kanak-kanak Dr. Raja Juanita Raja Lope dalam laporannya menyatakan seperti berikut:

“8. The type of clinics, therapy and assessments required for Akmal are as below. Cost are tabulated. Appointment availability is limited in government hospitals.”

[27] Di samping itu alasan bahawa pihak Plaintiff tidak dapat mengemukakan nas undang-undang bagi menyokong tuntutan tersebut juga adalah sesuatu yang tersasar. Ini adalah disebabkan mahkamah bertanggungjawab untuk menentukan amaun gantirugi berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan di hadapan Mahkamah sama ada keterangan daripada laporan perubatan atau keterangan-keterangan relevan lain.



Kos Rawatan Mata

[28] Dalam hal ini Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan yang dipohon oleh Plaintiff sebanyak **RM9,600.00 di bawah kos rawatan mata adalah dibenarkan**. Ia bersandarkan kepada laporan Professor Madya Dr. Tajunisah Iqbal, Pakar Perunding Ophthalmologist, UM Specialist Centre yang menyatakan seperti berikut:

“As a result of the Visual dysfunction, this patient may have difficulties in eye related activities such as reading, writing and carrying out near work. He will also need regular Ophthalmology follow-up with OCT and Automated Perimetry Visual Field monitoring until stable.”

Ia juga sejajar dengan pandangan Dr. Mohd Aidil Mohd Nor, Ketua Jabatan Perunding Neurosurgery, Hospital Tunku Ampuan Afzan, Kuantan.

Tuntutan Perbelanjaan Ubat-Ubatan Pada Masa Hadapan

[29] Seterusnya berkenaan dengan tuntutan perbelanjaan ubat-ubatan pada masa hadapan ia telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen dengan beralasan seperti berikut iaitu ubat-ubatan tersebut boleh diperolehi di klinik kesihatan awam. Mahkamah ini berpendapat kenyataan am sedemikian tidak dapat menyokong dapatan Hakim Mahkamah Sesyen di dalam penolakan tuntutan Plaintiff di bawah tuntutan perbelanjaan ubat-ubatan ini. Malahan peguam Plaintiff telah



mengemukakan kes **Nurul Husna Muhammad Hafiz & Anor v. Kerajaan Malaysia & Ors [2015] 1 CLJ 825.**

“[29] I accept the plaintiffs' counsel's contention that a reduction in the quantum of damages based on the promise from the tortfeasor to provide free medical treatment to the victim of the tort is contrary to legal principle nor would the contractual obligations (arising from the second plaintiff's employment by the first defendant) be a ground to reduce damages. Nor should damages be reduced by virtue of any statutory duty of the government to provide medical care to the first plaintiff by virtue of her incapacity.”

Mahkamah bersetuju dengan keputusan dalam kes **Nurul Husna Muhammad Hafiz & Anor v. Kerajaan Malaysia & Ors (Mahkamah Persekutuan)** (supra) tersebut. Mahkamah ini berpendapat dakwaan bahawa ubat-ubatan yang diperlukan oleh Plaintiff boleh diperolehi di Hospital Kerajaan tidak menghalang mahkamah daripada mempertimbangkan perbelanjaan ubat-ubatan yang dibekalkan oleh hospital swasta atau persendirian sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa Plaintiff memerlukan ubat-ubatan daripada hospital swasta atau persendirian dan bukannya daripada fasiliti kesihatan Kerajaan. Dalam kes ini mahkamah berpendapat berdasarkan kecederaan Plaintiff yang pelbagai, keilatan serta rawatan berterusan yang perlu dilalui oleh Plaintiff pada sepanjang hayatnya dan memerlukan ubat-ubatan yang pelbagai maka mahkamah boleh menimbangkan tuntutan perbelanjaan ubat-ubatan pada masa hadapan.



[30] Mahkamah berpendapat berdasarkan kepada tuntutan perbelanjaan keseluruhan ubat-ubatan yang dijangka diperlukan pada masa hadapan oleh pihak Plaintiff, mahkamah berpendapat bahawa jumlah yang sewajarnya diberikan adalah sebanyak **RM200,000.00**.

Kos Kaunseling Dan Kaunseling Psikologi

[31] Seterusnya berkenaan dengan kos kaunseling dan kaunseling psikologi. Ia juga ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen dengan memberikan alasan bahawa jumlah tersebut adalah tidak munasabah dan suatu yang spekulatif yang tidak disokong oleh mana-mana keputusan Mahkamah. Dalam hal ini mahkamah telah meneliti laporan rehabilitasi Plaintiff daripada Hospital Tunku Ampuan Afzan, Kuantan di halaman 219 hingga 221 Rekod Rayuan. Di halaman 221 Rekod Rayuan ada dinyatakan dalam syor bahawa rawatan tersebut boleh diperolehi daripada hospital awam. Laporan itu menyatakan seperti berikut:

“Patient had been referred for continuation of follow-up for cognitive therapy at HoSHAS and advice mother the importance to continue following up with the rehab team at HTAA and HoSHAS. An option to refer the patient for active rehabilitation at Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) was given to mother. This option given, as HRC are the tertiary hospital that have facilities for complete assessment and continuation of care of the patient and thus better outcome in cognitive function and quality of life.”



[32] Penelitian kepada laporan ini menunjukkan bahawa pada masa ini Plaintiff sedang menjalani rawatan secara berterusan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh. Dalam erti kata lain rawatan sedang dijalani oleh pihak Plaintiff. Ia juga menunjukkan bahawa rawatan itu berterusan. Ia telah berada dalam sistem rawatan yang disediakan oleh pihak hospital awam. Oleh yang demikian Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan bagi **kos kaunseling dan kaunseling psikologi adalah wajar ditolak** seperti yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

Kos Peralatan Dan Rawatan Masa Hadapan

[33] Seterusnya berkenaan dengan kos peralatan dan rawatan masa hadapan yang disyorkan oleh pakar rehabilitasi. Ia telah ditolak oleh Hakim Mahkamah Sesyen dengan memberikan alasan bahawa tuntutan tersebut adalah tidak munasabah dan ia adalah keterlaluan di samping bersikap spekulatif. Hakim Mahkamah Sesyen juga berpendapat bahawa terdapat pilihan alternatif yang lebih murah bagi rawatan tersebut seperti mendapatkan rawatan rehabilitasi di Hospital Rehabilitasi Cheras.

[34] Mahkamah telah meneliti keterangan-keterangan dan laporan-laporan serta hujahan pihak-pihak dalam perkara ini dan berpendapat bahawa adalah wajar Mahkamah ini mempertimbangkan jumlah global bagi **kos peralatan dan rawatan masa hadapan adalah sebanyak RM150,000.00**. Ini berdasarkan kepada kerencaman rawatan yang perlu dilalui oleh pihak Plaintiff yang berkemungkinan melibatkan



penggunaan peralatan yang khusus yang tidak dapat disediakan oleh Hospital Kerajaan. Adalah tidak adil untuk Plaintiff perlu tampil semula ke mahkamah setiap kali memerlukan perbelanjaan peralatan rawatan baharu di masa hadapan. Plaintiff juga tidak wajar dinafikan hak untuk menggunakan peralatan-peralatan tersebut disebabkan ia tidak disediakan di fasiliti kesihatan Kerajaan. Berdasarkan kepada alasan tersebut mahkamah berpendapat kos peralatan rawatan masa hadapan dibenarkan seperti di atas.

[35] Adalah menjadi amalan yang mulia untuk mahkamah meneliti segala dokumen-dokumen yang dikemukakan laporan-laporan pakar perubatan, laporan ujian-ujian yang dilakukan oleh Plaintiff dan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh para pakar perubatan bagi membantu mahkamah mencapai kepada satu keputusan berkenaan dengan amaun gantirugi dan kewajaran gantirugi itu dibenarkan atau ditolak. Laporan-laporan dan keterangan-keterangan pakar perubatan tersebut seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin bagi mencapai suatu amaun yang sewajarnya. Ia tidak sepatutnya dipandang enteng oleh mahkamah. Ia perlu ditelusuri, dinilai dan sekiranya terdapat laporan-laporan yang bercanggah mahkamah perlu meneliti percanggahan tersebut dan membuat dapatan yang sewajarnya dengan memilih pandangan yang munasabah atau konsisten dengan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah. Jika ini dilakukan pihak Plaintiff akan dapat dipertimbangkan tuntutan gantirugi dengan sewajarnya serta pihak Defendan tidak akan dibebankan dengan gantirugi yang tidak sewajarnya ditanggung oleh Defendan.



[36] Mahkamah tidak sewajarnya menjadikan satu kes tuntutan kemalangan jalan raya adalah satu pengulangan kerja yang membosankan atau rutin sehingga tidak meneliti keterangan-keterangan dan laporan-laporan yang dikemukakan. Ini adalah disebabkan bagi pihak Plaintiff setiap tuntutan gantirugi kemalangan jalan raya adalah satu yang penting kepadanya. Begitu juga pihak Defendan setiap tuntutan terhadapnya adalah sesuatu yang perlu diteliti dengan sewajarnya oleh mahkamah. Oleh itu mahkamah perlu menjalankan penelitian yang mendalam kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah. Ini bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan kepada Plaintiff dan Defendan serta ianya ditampakkan pelaksanaanya.

Kesimpulan


[37] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas dan penelitian kepada nota keterangan, alasan penghakiman dan Rekod Rayuan serta hujahan pihak-pihak Mahkamah memutuskan rayuan dibenarkan seperti berikut:

- (i) Kerugian pada masa hadapan sebanyak RM432,000.00;
- (ii) Rawatan mata sebanyak RM9,600.00;



- (iii) Tuntutan perbelanjaan ubat-ubatan pada masa hadapan sebanyak RM200,000.00;
- (iv) Kaunseling dan kaunseling psikologi ditolak;
- (v) Peralatan dan rawatan masa hadapan sebanyak RM150,000.00; dan
- (vi) Kos sebanyak RM15,000.00.

Bertarikh: 10hb. April 2023



(ROSLAN MAT NOR)

**PESURUHJAYA KEHAKIMAN
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR**



PIHAK-PIHAK:

Bagi Pihak Perayu/Plaintif:

M Ramachelvam dan Ameerul Radzi Azlan

Tetuan Rama-Rozi & Associates

Temerloh, Pahang Darul Makmur

Bagi Pihak Responden-Responden/ Defendan-Defendan:

Vesvanathan Jeevaji Ganesan

Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang

Kuantan, Pahang Darul Makmur

